

Yakini Air Kita

Jaminan Kualiti Air Setaraf Negara Maju Pada Tahun 2028

Pelaburan Kualiti Air



RM 23.75mil
2019

RM 28.87mil
2020



Menerima pengiktirafan daripada Institut Kimia Malaysia (IKM) apabila tiga makmal Air Selangor dianugerahkan dengan Anugerah Kecemerlangan Makmal pada tahun 2019:

- Makmal LRA Sg Labu
- Makmal LRA Sg Semenyih
- Makmal LRA Sg Selangor Fasa 2 (SSP2)

Jaminan Kualiti Air Melalui Inisiatif Trust Our Tap 2028

Air Selangor juga telah menyusun strategi jangka masa panjang melalui tindakan holistik Trust Our Tap 2028 bagi tempoh 9 tahun pelaksanaan bermula dari tahun 2020 yang merangkumi perlindungan sumber air mentah, kawalan dan pengawasan kualiti air terawat, pemeliharaan kualiti air terawat dan gagasan pacuan digital Air Selangor.

Tanggungjawab Kita Bersama

Meskipun pelbagai inisiatif dan rangka tindakan sedang dilaksanakan, tanggungjawab Air Selangor adalah terhad sehingga ke meter air di rumah pengguna sahaja berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2005 (Akta 655). Justeru itu, pengguna disarankan untuk memainkan peranan bersama agar kualiti bekalan air yang diterima kekal baik dengan menyenggara sistem bekalan air dalaman selepas penyambungan meter air di premis masing-masing.

Penyenggaraan ini termasuk memastikan saluran pili air di dapur sentiasa bersih, tangki-tangki simpanan air dicuci secara berkala, paip-paip dalaman yang telah berusia perlu diganti dan sebarang kebocoran pada sistem dalaman dibaiki segera untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang kontaminasi yang boleh menyebabkan kemerosotan kualiti air.

Air Selangor yakin inisiatif Trust Our Tap 2028 yang sedang dilaksanakan di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya boleh mencapai sasaran kualiti air dan perkhidmatan pada tahap terbaik apabila semua pengguna berkerjasama dan melaksanakan peranan masing-masing untuk kesejahteraan bersama.

Tips Untuk Pengguna Daripada Air Selangor

Sekiranya kediaman telah ditinggalkan untuk tempoh yang lama seperti pergi bercuti, atau rumah dijadikan inap desa, atau baru pulih daripada gangguan bekalan air, pengguna domestik dinasihatkan agar membiarkan pili air di dapur dibuka mengalir sehingga bekalan air kelihatan bersih dan jernih. Ini bagi membolehkan sisa air lama yang berada di dalam paip dialir keluar (flushed).

GAGASAN PACUAN DIGITAL AIR SELANGOR

- **HYDRA**
Melalui gagasan pacuan digital (digital drive) Air Selangor sedang giat memasang stesen-stesen HYDRA (Hybrid Distribution Water Quality Real-Time Analyser) untuk pengawasan kualiti air atas talian di rangkaian-rangkaian agihan. 500 stesen berkenaan dijangka siap pada tahun 2028.
- **OACIS**
90 buah stesen Pengedosan Klorin Sekunder Automatik (Off-plant Autonomous Chlorine Injection System, OACIS) dijangka dibina sehingga tahun 2028.
- **Makmal Diagnostik**
3 buah Makmal Diagnostik bagi membolehkan diagnosis sebatian kompleks. Sebuah makmal bergerak turut disediakan supaya bantuan mendiagnosis sampel-sampel air dapat dijalankan dengan pantas di lapangan ketika kecemasan dan krisis.

tidak berpuas hati.

Malaysia tidak bersendirian dalam menghadapi cabaran persepsi ini. Di Singapura misalnya, mereka mengalami peningkatan signifikan perbelanjaan air minum yang dibotolkan sebanyak RM411 juta pada tahun 2015 iaitu peningkatan sebanyak 24% berbanding 5 tahun sebelumnya. Sementara dalam sebuah tinjauan lain, 20% daripada isi rumah di Singapura masih menjerang air minum walaupun jaminan keselamatan sudah diberikan oleh syarikat pembekal air.

Jaminan Kualiti Air Yang Selamat

Air Selangor merupakan syarikat

perkhidmatan bekalan air terbesar di Malaysia dan Asia Tenggara yang mempunyai lebih 2 juta akaun pelanggan yang merangkumi 8.4 juta populasi di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Bekalan air yang dibekalkan oleh Air Selangor dari tahun 2016 hingga 2019 adalah pada tahap terbaik. Ini adalah berdasarkan pematuhan Piawaian Kualiti Air Minum Kebangsaan secara purata melebihi 99.5% daripada jumlah keseluruhan ujian piawaian kualiti air yang dijalankan berdasarkan Program Kawalan Mutu Air Minum (KMAM) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pematuhan kualiti

melibatkan kesemua ujian parameter utama seperti kekeruhan, baki klorin bebas (FRC), E.coli dan aluminium dalam bekalan air terawat oleh Air Selangor.

Pencapaian pematuhan KMAM hasil daripada inisiatif tambahan dengan meningkatkan saiz purata persampelan ujian bakteriologiikal di dalam air terawat sebanyak 2,000 sampel sebulan bagi 8.5 juta populasi berbanding Bilangan Sampel Minima sebulan yang ditetapkan oleh piawaian iaitu 500 sampel sebulan bagi 10 juta populasi pada tahun 2019. Inisiatif ini dilaksanakan secara dalaman oleh Air Selangor dan juga pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

PEMELIHARAAN KUALITI AIR TERAWAT

- **Pencucian** keseluruhan 1,400 buah kolam-kolam air secara berjadual.
- **Pencucian Paip**
Pengaktifan 9,000 zon-zon pencucian paip (Pipe Cleaning Zone With Compression Gear & Isolation, POLIGON) meliputi 14,000 km rangkaian paip retikulasi bersaiz 300 mm gp. kebawah dan 73,800 pencucian paip telah dijadual.
- **Penggantian** 150 km paip retikulasi yang berusia diganti setiap tahun bagi memastikan jajaran paip air di dalam rangkaian agihannya sentiasa berada dalam keadaan baik.
- **Pemasangan Smart Sensor** di rangkaian agihannya dengan pemasangan 1,780 sensor berprestasi tinggi (high rate sensor) yang melibatkan 6,000 km paip bagi menurunkan bilangan paip pecah yang boleh menyumbang kepada kemerosotan kualiti air.

KAWALAN DAN PENGAWASAN KUALITI AIR TERAWAT

- **Membina** 400 Stesen Persampelan Air (SPA) yang baharu. Menjadikan bilangan sediaada 1,400 stesen kepada 1,800 pada tahun 2028.
- **Mempertingkatkan** kawalan kualiti air dengan menjalankan analisa tambahan sebanyak 1.4 juta dengan pecahan 1.3 juta analisa di loji-loji rawatan air manakala 100,000 selebihnya di peringkat rangkaian agihan yang melibatkan 29,000 km jajaran paip agihan.

PERLINDUNGAN SUMBER AIR MENTAH

- **Kerjasama strategik** dengan agensi-agensi Negeri dan Persekutuan bagi melindungi sumber-sumber bekalan air mentah yang diabstrak dari anak-anak sungai yang terletak di kawasan-kawasan tadahan.
- **Pemantauan** dibuat secara konsisten dan berkala ke atas 282 Titik Pengawasan Sungai (RSP) setiap bulan, 12 kajian kebersihan sungai (sanitary survey) setahun.
- **Pembinaan** 11 buah Stesen Pengawasan Sungai (RMS) baharu. Menjadikan jumlah 4 buah stesen sedia ada kepada 15 buah stesen pada tahun 2028 yang ditempatkan di lokasi-lokasi strategik.

